

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

HHH 101/NSK 002 - Pengantar Seni Halus

Masa: [3 Jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDINGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

ARAHAN

Jawab **SEMUA** soalan dengan jelas, tepat dan ringkas.

Lihat dengan teliti karya-karya yang ditayangkan. Kemudian jawab soalan-soalan yang berkenaan dengan karya itu. Sila ambil perhatian bahawa maklumat tidak semestinya disediakan untuk semua karya.

Setiap slaid akan ditayangkan selama 7 minit dan diulangtayang selama 3 minit lagi selepas semua slaid ditayangkan sekali.

JAWAPAN BAGI TIAP-TIAP KARYA TIDAK BOLEH MELEBIHI DUA [2] HALAMAN.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Berikut ialah soalan-soalan dan maklumat mengikut susunan tayangan slaid.

1. Pelukis: Yeoh Jin Leng
Tajuk: Sawah Padi
Tahun: 1963
Bahantara: Cat Minyak atas Kanvas

Melihat cara dan gaya pemandangan sawah padi dilukiskan oleh pelukis, apakah yang boleh anda fahami sebagai sikap pelukis terhadap alam luar bandar tempatan dan juga keadaan kehidupan di kampung? Sejauh manakah pelukis berminat terhadap kehidupan dan masyarakat? Atau adakah pelukis lebih berminat terhadap seni sahaja?

...2/

2. Karya ini menampakkan unsur-unsur kraf dan kesenian tradisional. Apakah unsur-unsur itu? Bagaimanakah boleh anda perbezakan karya ini sebagai seni lukis daripada kesenian tradisional? Apakah ciri-ciri yang anda kaitkan dengan kesenian tradisional dan seni lukis kontemporari?
3. Dengan tiada rujukan yang ketara kepada dunia objektif dan alam persekitaran, apakah yang anda boleh tafsirkan sebagai tujuan pelukis Sharifah Fatimah Zubir menghasilkan karya ini? Apakah pendapat anda tentang lukisan begini dianggap sebagai hasil seni?
4. Pada pendapat anda apakah 'kesenian' yang terdapat pada bangunan menara ini? Apakah bezanya di antara kesenian pada seni bina dan seni lukis cat? Pada pendapat anda, adakah yang satu lebih bermakna dan berguna daripada yang lagi satu?
5. Pelukis: Wong Hoy Cheong
Tajuk: Orang Kaya Baru, Gajah, Orang Gaji Rakyat Asing, atau Gaya Menawan Golongan Pertengahan Yang Tidak Menonjol. (The Nouveau Riche, The Elephant, The Foreign Maid or The Discreet Charm of the Bourgeoisie)
Tahun: 1991
Bahantara: Cat Minyak atas Kain Guni

Apakah yang anda boleh tafsiri daripada penggunaan objek-objek dan gambaran tertentu dalam lukisan cat ini? Apakah agaknya sikap pelukis terhadap golongan 'orang kaya baru' Malaysia?

6. Karya Datuk Syed Ahmad Jamal ini boleh dianggap oleh pihak-pihak tertentu sebagai mempunyai bukan saja nilai kesenian yang tinggi tetapi harga yang tinggi. Pada pendapat anda, bagaimanakah ini boleh terjadi? Apakah pihak-pihak yang terlibat? Juga pada pendapat anda, apakah agaknya yang dianggapkan nilai kesenian pada karya ini?

--oo000oo--